

30 JUN 2002

Rafidah-Pilihan raya

WANITA UMNO MAHU GAMIT PENGUNDI ATAS PAGAR

PETALING JAYA, 30 Jun (Bernama) -- Wanita Umno akan menumpukan kepada pengundi atas pagar bagi memastikan kejayaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil kerusi Parlimen Pendang dan kerusi Dewan Undangan Negeri Anak Bukit pada 18 Julai ini.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata pergerakan itu akan menumpukan usaha ke kawasan-kawasan yang memang BN boleh menang.

"Memang saya tahu ada peti undi yang memang lubuk PAS. Ahlinya situ memang ahli PAS. Kawasan ini tak payahlah kita serang dan pujuk kerana ia memang pekat PAS. Tapi memang Umno pun ada kawasan yang pekat dengan Umno, kita pertahankanlah," katanya.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan Hari Keluarga Kementerian beliau di Bandar Sunway, Petaling Jaya, hari ini.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) semalam menetapkan 10 Julai sebagai hari penamaan calon dan 18 Julai sebagai hari mengundi secara serentak bagi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit, kedua-duanya di Kedah.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian Presiden Pas Datuk Fadzil Noor, yang mewakili kedua-dua kawasan itu.

Rafidah berkata pergerakan itu akan memaklumkan kepada pengundi bahawa masalah yang dihadapi pada pilihan raya umum 1999 yang menyebabkan orang Melayu paling tadah daripada Umno dan BN, tidak timbul lagi.

"Ini kerana isu-isu yang dibangkitkan ketika itu, telah tiada lagi," katanya. Bagaimanapun, beliau tidak mengulas lanjut mengenai isu-isu itu.

Rafidah yang akan ke Kedah minggu depan berkata, Wanita Umno akan menggunakan strategi berkesan untuk menjelaskan kepada pengundi mengenai pembangunan yang telah BN buat untuk negara ini.

"Mereka menang bukanlah banyak, cuma 2,900 lebih undi. Ada undi itu saya yakin adalah undi daripada mereka yang simpati dengan Umno tetapi berpaling tadah kerana sebab-sebab tertentu," katanya.

Menurut beliau, pergerakan itu juga mendapati ada peralihan profil pengundi sejak tiga tahun lepas, yang mana perkara itu akan dianalisa oleh Wanita Umno dan BN amnya.

Ditanya mengenai kempen rumah ke rumah yang biasa dilakukan Wanita Umno, Rafidah berkata cara itu akan diteruskan.

"Kita akan lebih sistematik kali ini. Kita tak mahu terlalu ramai hingga susahkan masyarakat setempat," katanya.

Ditanya sama ada pengumuman peletakan jawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkuatkuasa Oktober tahun depan akan memberi kesan kepada keputusan pengundian, beliau berkata pengundi sudah memahami apa yang berlaku.

Beliau yakin, rakyat memahami bahawa soal silih ganti pemimpin akan berlaku lambat laun.

-- BERNAMA

NZ AZZ PR